

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai syarikat GLC yang memberi kuasa mutlak kepada YAB. Perdana Menteri dan bukan kepada Lembaga Pengarah seperti Syarikat 1MDB ketika ini dan mengapakah perkara ini dilaksanakan oleh Kerajaan walaupun akan memberi impak yang tidak baik kepada Kerajaan apabila timbul isu atau masalah kelak.

JAWAPAN

berdasarkan senarai syarikat Menteri Kewangan, hanya syarikat 1MDB dan Petroliam Nasional sahaja yang memberikan kuasa kepada YAB (M). Bagaimanapun bagi syarikat PETRONAS, diberikan berdasarkan kepada Akta Kemajuan

Petroleum 1974 (Akta 144) kerana ia melibatkan dasar pembangunan industri petroleum secara keseluruhan. Namun begitu, kuasa YAB PM di bawah Akta 144 ini dibantu oleh Majlis Penasihat Petroleum Negara. Pemberian kuasa ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa setiap keputusan yang diambil adalah tepat dan terbaik kerana seperti mana kita sedia maklum, hasil daripada industri minyak dan gas ini merupakan sebahagian daripada hasil kepada Kerajaan dan perkara mengenai dasar petroleum negara dan sumber tenaga memberi impak yang besar kepada ekonomi negara.